



**Majlis Ugama Islam Singapura**

**Khutbah Jumaat**

**17 Julai 2015 / 1 Syawal 1436**

**Sebarkan Keceriaan Aidilfitri Sesama Insan**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ بَشِيرًا وَنَذِيرًا  
وَدَاعِيًا إِلَى اللَّهِ بِإِذْنِهِ وَسِرَاجًا مُنِيرًا وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ  
وَصَفِيُّ اللَّهِ مِنْ خَلْقِهِ وَحَبِيبُهُ إِمَامُ الْأَنْبِيَاءِ وَسَيِّدُ الْمُرْسَلِينَ اللَّهُمَّ  
صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.  
أَمَّا بَعْدُ فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ  
مُسْلِمُونَ

Sidang Jumaat yang dimuliakan

Hari ini merupakan hari yang menggabungkan dua hari kebesaran Islam. Hari Jumaat adalah penghulu segala hari, manakala Aidilfitri pula merupakan hari kemenangan umat Islam setelah sebulan beribadah di bulan Ramadan. Marilah kita terus bersyukur dengan mempertingkatkan ketakwaan kita kepada Allah s.w.t.

Dalam kita meraikan keceriaan Syawal, janganlah kita hentikan amalan kebaikan yang telah sama-sama kita lakukan pada

bulan suci Ramadan. Amalan-amalan seperti solat berjemaah, membaca dan memahami ayat-ayat Al-Quran dan kegiatan-kegiatan kerohanian yang lain perlu diteruskan sepanjang tahun. Turutilah segala perintah Allah dan jauhilah segala tegahan-Nya semampu mungkin. Janganlah kita cemari perayaan hari mulia ini dengan perkara-perkara yang mendatangkan dosa dan kemudaratan kepada umat manusia. Mudah-mudahan kita tergolong dikalangan mereka yang meraih kejayaan di dunia dan di akhirat, Amin.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,  
Ramadan yang baru berlalu ini juga telah menyaksikan pelbagai sentuhan keihlanan yang dipamerkan oleh anggota masyarakat Islam Singapura. Kita telah saksikan semangat bergotong royong yang dijalankan bersama. Menerusi pelbagai program-program khidmat masyarakat yang disertai pelbagai kaum, kita telah sama-sama menyinsing lengan berkhidmat bagi membantu mereka yang memerlukan. Dianggarkan lebih kurang 2,000 relawan dari latar belakang yang berbeza telah turut serta dalam pelbagai projek kebajikan.

Usaha-usaha sedemikian merupakan langkah-langkah terpuji yang membudayakan semangat kemasyarakatan. Kita perlu meneruskan budaya sedemikian sepanjang tahun. Ini sejajar dengan seruan Rasulullah s.a.w di mana Baginda bersabda:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ، أَفْشُوا السَّلَامَ، وَأَطْعِمُوا الطَّعَامَ، وَصَلُّوا الْأَرْحَامَ،  
وَصَلُّوا بِاللَّيْلِ وَالنَّاسُ نِيَامٌ، تَدْخُلُوا الْجَنَّةَ بِسَلَامٍ

Yang bermaksud: *“Wahai umat manusia, sebarkanlah salam, berikanlah makanan, hubungkanlah silaturahmi, dan dirikanlah solat ketika orang-orang sedang tidur, nescaya kamu akan memasuki syurga dalam kesejahteraan.”* [Hadith riwayat Imam At-Tirmizi]

Sidang Jumaat yang dimulihkan,

Kita bersyukur kepada Allah s.w.t atas nikmat keamanan, kesejahteraan dan kedamaian yang dikurniakan-Nya kepada kita. Kita dapat meraikan lebaran ini dengan penuh keceriaan seperti yang kita saksikan hari ini. Kita dapat menziarahi rumah sanak saudara, rakan dan taulan bagi mengeratkan lagi hubungan silaturahmi sesama kita.

Namun, ingatlah, tidak semua umat Islam yang berpeluang meraikan lebaran dalam suasana penuh keamanan. Konflik kemanusiaan yang berlaku di sebahagian tempat menyebabkan Syawal diraikan dengan suasana suram. Tragedi ataupun malapetaka yang menimpa sebahagian daripada kita menjadikan Syawal kali ini kurang kegembiraan. Oleh yang demikian, bagi kita yang diberikan peluang untuk meraikan hari ini disamping keluarga tercinta, ambillah peluang Aidilfitri ini untuk merapatkan ukhuwwah sesama kita. Sambunglah semula silaturahmi yang mungkin telah terputus dan pohonlah

kemaafan atas kesilapan yang ada. Utuhkan hubungan kekeluargaan kita dengan kasih sayang, rahmah dan ihsan.

Pada masa yang sama, marilah juga kita berkongsi keceriaan Aidilfitri bersama mereka yang kurang bernasib baik. Jadilah anggota masyarakat yang prihatin dan mengambil berat kepada jiran tetangga, sahabat handai serta sanak saudara. Dengan semangat muhibbah Aidilfitri ini, marilah kita terus kekalkan semangat kemasyarakatan dan saling menghormati. Sebagai umat Islam, menjadi kepentingan kita untuk menyebarkan keamanan dan kedamaian agar negara dan dunia yang kita warisi ini menjadi tempat yang terbaik buat semua. Kita harus memainkan peranan yang positif dan menjalankan tanggungjawab dalam menyumbang kepada kemajuan masyarakat.

Manfaatkanlah kelebihan yang Allah s.w.t. berikan kepada kita, untuk membantu mereka yang memerlukan tidak kira dari segi masa, harta mahupun tenaga. Allah s.w.t berfirman di dalam Surah Ali 'Imran ayat 104:

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ  
الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

Yang bermaksud: *“Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh*

*kepada yang makruf dan mencegah dari yang munkar; merekalah orang-orang yang beruntung.”*

Saudaraku,

Marilah kita meneruskan usaha kearah kebaikan ini di bulan Syawal dan bulan-bulan yang lain. Semoga kita terus istiqamah dalam menyebarkan kebaikan hingga akhirnya mendapat keredhaan Allah s.w.t. Amin ya Rabbal 'Alamin.

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعِنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا  
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.